PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM
NEGERI PERLIS

ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS

GEMPUR KECEMERLANGAN 2023
1249/2
SEJARAH
Kertas 2
Oktober
2023
2 Jam 30 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**

2. *Jawab* **semua** *soalan daripada* **Bahagian A** *dan* **tiga** *soalan daripada* **Bahagian B.**

3. *Jawapan* **Bahagian A** *hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*

4. *Jawapan* **Bahagian B** *hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*

5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan* **Bahagian B.**

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

[*Lihat halaman sebelah*]

5 Apakah faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1939-1945?


A Krisis rantau Balkan
B Pakatan ketenteraan
C Persaingan kuasa imperialis
D Kemunculan ideologi baru

6 Bintang Tiga menguasai Tanah Melayu lebih kurang 14 hari. Bagaimanakah penguasaan tersebut dilakukan?

I Membuat kad catuan makanan
II Membentuk kampung baharu
III Membunuh pegawai daerah
IV Menguasai balai polis

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Rajah berikut berkaitan sistem pemerintahan di Tanah Melayu pada tahun 1946.



Apakah X?

A Negeri-negeri Melayu Bersekutu
B Persekutuan Tanah Melayu
C Gagasan Malayan Union
D Negeri-negeri Selat

11 Maklumat berikut tentang sistem pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan di Tanah Melayu.

Orang awam yang berumur 12 tahun ke atas dikehendaki membawa kad pengenalan ke mana-mana sahaja mulai tahun 1948.

Apakah kebaikan program tersebut terhadap kerajaan?

A Memutuskan hubungan dengan komunis
B Mengelakkan penduduk menyokong komunis
C Membezakan orang awam dengan komunis
D Menawarkan pengampunan kepada komunis

12 Perang saraf ialah rancangan yang dilakukan untuk menghapuskan komunis. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan perang saraf?

I Menawarkan hadiah wang tunai
II Mengadakan perintah berkurung
III Mengukuhkan pasukan tentera
IV Melonggarkan syarat kerakyatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

19 Maklumat berikut berkaitan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

Sambutan kemerdekaan dinantikan oleh rakyat sehinggakan semua tiket Keretapi Tanah Melayu dan tiket bas habis ditempah.

Apakah yang boleh dirumuskan dengan situasi tersebut?

A Berbangga menyambut kemerdekaan
B Bergembira menyambut kemerdekaan
C Bersatu hati menyambut kemerdekaan
D Bersyukur menyambut kemerdekaan

20 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara.

- Pembangunan Luar Bandar
- Rancangan Buku Merah

Apakah persamaan kedua-dua rancangan tersebut?

A Penyediaan kemudahan asas
B Peluang pekerjaan bertambah
C Pembukaan tanah pertanian baru
D Pembinaan perumahan kos rendah

21 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan takrif kedaulatan?

Bahasa	**Takrif kedaulatan**
I Bahasa Yunani	Sovereignty
II Bahasa Arab	Daulah
III Bahasa Melayu	Daulat
IV Bahasa Inggeris	Superanus

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2

(a) Apakah maksud Sistem Ahli?

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan ciri Sistem Ahli.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Bagaimanakah Sistem Ahli menjadi asas kepada pentadbiran negara yang berkesan?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

7 *(a)* Jelaskan faktor yang mencetuskan idea pembentukan Malaysia.

[8 *markah*]

(b) Huraikan langkah-langkah pembentukan Malaysia.

[8 *markah*]

(c) Sebagai warganegara yang mendokong prinsip keharmonian, bagaimanakah kita dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk di Malaysia.
Beri cadangan anda.

[8 *markah*]

8 Dunia pendidikan pada masa kini semakin mencabar bagi memastikan matlamat melahirkan modal insan yang hebat tercapai.

(a) Jelaskan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

[4 *markah*]

(b) Baca Falsafah Pendidikan Kebangsaan berikut.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Bagaimanakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan berjaya melahirkan modal insan yang hebat?

[*8 markah*]

(c)		Apakah iktibar yang boleh diambil untuk mengelakkan peperangan berlaku pada masa kini?	
	F1	Menghormati kedaulatan negara lain	**1**
	F2	Jangan mencampuri hal dalaman negara lain	**1**
	F3	Mengadakan rundingan untuk menyelesaikan pertikaian	**1**
	F4	Tidak bertindak terburu-buru yang boleh mengeruhkan lagi keadaan	**1**
	F5	Ketegangan antara kedua pihak boleh diatasi dengan genjatan senjata	**1**
	F6	Perjanjian perdamaian secara adil di antara kedua-dua pihak	**1**
	F7	Pemimpin yang bijak mampu bertindak dengan rasional	**1**
	F8	Peranan PBB untuk mengekalkan keamanan dunia	**1**
		(Mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 4x1m]	**[4M]**
NO. SOALAN		**BUTIRAN**	**MARKAH**
2 (a)		Apakah maksud Sistem Ahli?	
	F1	Sistem yang melatih penduduk tempatan untuk berkerajaan sendiri	**1**
	F2	Persediaan penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu	**1**
	F3	Memberi pendedahan kepada penduduk tempatan belajar mentadbir kerajaan	**1**
	F4	Merupakan proses memupuk perpaduan kaum kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pelbagai kaum	**1**
		[mana-mana 2x1m]	**[2M]**
(b)		Jelaskan ciri Sistem Ahli.	
	F1	Ahli bertaraf "Menteri"	**1**
	F2	Bertanggungjawab menjaga portfolio	**1**
	F3	Mengandungi jabatan dan agensi kerajaan	**1**
	F4	Hal Ehwal Dalam Negeri (Imigran/Penyiaran/Percetakan/Hubungan Antara Negeri/Haji/Kerakyatan/Perkahwinan/Kematian/Industri Desa/ Pilihanraya/Rupa Bangsa Nasional) /Pelajaran/Kesihatan/ Pertanian dan Perhutanan/Tanah,Lombong dan Perhubungan/Kerajaan Tempatan,Perumahan dan Perancang Bandar/Pengangkutan/Hasil Bumi	**1**
	F5	Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British	**1**
	F6	Dengan Persetujuan Majlis Raja- Raja Melayu	**1**
	F7	Ahli Bertanggungjawab mencadangkan undang-undang	**1**
	F8	Undang-undang berkaitan jabatannya	**1**
	F9	Untuk dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)	**1**
	F10	Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi	**1**
	F11	Satu sistem kabinet bayangan	**1**
	F12	Terdiri daripada beberapa pegawai tadbir/tokoh masyarakat	**1**
		[mana-mana 4x1m]	**[4M]**

(c)		Bagaimanakah Sistem Ahli menjadi asas kepada pentadbiran negara yang berkesan?	
	F1	Sistem Ahli menyediakan asas penting untuk melatih penduduk tempatan kearah berkerajaan sendiri	**1**
	F2	Sistem Ahli memberikan pendedahan yang baik kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir kerajaan	**1**
	F3	Sistem Ahli merupakan satu proses memupuk perpaduan kaum	**1**
	F4	kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin/tokoh masyarakat pelbagai kaum	**1**
	F5	Sistem ahli mempunyai ahli yang bertaraf Menteri	**1**
	F6	bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi pelbagai jabatan dan agensi kerajaan	**1**
		(mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 4x1m]	**[4M]**

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Sejarah (50+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta